

11/12/2001

Koperasi Penulis Utara umum keuntungan

KOPERASI Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad (Kopen) mengumumkan keuntungan bersih RM207,338.31 hasil urus niaga bagi sesi 1999 dari projek penerbitan Warta Darul Aman dan penerbitan buku Mahathir Di Mata Umum.

Sumbangan mantap kedua-dua projek terbabit membolehkan Kopen merentasi tahun kerugian 1998 dengan keuntungan yang memberangsangkan hingga berjaya memulakan penerbitan karya ahli, novel Seni Takdir tulisan Hamizun Syah.

Pengerusi Kopen, Nazril Mohd Zain berkata, pihaknya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah atas kepercayaannya sejak 1988 dan Mohd Noor Salleh yang bertanggungjawab sepenuhnya menyelenggarakan penerbitan akhbar terbabit.

"Kopen dengan sokongan lebih 200 ahli terus mempertingkatkan prestasinya sebagai sebuah institusi ekonomi penulis yang berjaya merentasi segala masalah dan cabaran dalam urus niaga, terutama dalam era kegawatan ekonomi," katanya ketika berucap pada Mesyuarat Agung Kopen ke-11 di sebuah hotel di Alor Star, baru-baru ini.

Kopen yang beroperasi sejak Oktober 1986, adalah satu-satunya koperasi penulis Melayu di Malaysia ditubuhkan bertujuan membabitkan golongan penulis dalam institusi ekonomi ke arah mencari ruang menerbit karya ahli di samping projek ekonomi lain untuk meningkatkan taraf penulis.

Nazril menggunakan kesempatan mesyuarat itu mengingatkan 41 anggota Kopen yang belum memenuhi modal saham minima RM100 seperti yang dikehendaki Undang-Undang Kecil bilangan 21(1).

"Keadaan ini menyebabkan anggota terbabit tidak dapat diiktiraf sebagai ahli rasmi yang mempunyai hak dan kepentingan secara demokrasi serta merugikan anggota terbabit dan juga Kopen dalam konteks modal saham," katanya.

Bagaimanapun Unit KP Kreatif yang diwujudkan bertujuan memperluaskan urus niaga di bidang rekabentuk dan rekaletak serta kerja percetakan ringan, masih gagal memberi keuntungan kepada Kopen.

Mengikut laporan terakhir lembaga pengarahnya, lokasi tempat operasi yang tidak strategik sebagai faktor kegagalan unit berkenaan selain faktor ketiadaan pengurus tetap yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap urus niaga.

Justeru, kedengaran suara ahli ketika dalam ucapan penangguhan mengesyorkan agar masalah itu ditangani sekalipun terpaksa membuat perubahan agar urus niaga Kopen terus berjalan lancar dan memberi pulangan terutama Unit KP Kreatif.

Sebagai pergerakan koperasi atau institusi ekonomi yang sasaran utamanya bergerak di bidang perniagaan dan perusahaan, banyak ruang boleh diceburi oleh Kopen jika sistem pengurusan dipertingkatkan secara lebih sistematik.

Lalu, keberanian membuat perubahan diperlukan kerana kejayaannya terletak pada komitmen daripada semua peringkat sama ada perancangan, pelaksanaan ataupun peringkat penilaian.

Pada peringkat perancangan Kopen, memang memerlukan seorang atau lebih kakitangan (berdasarkan kemampuan) di bahagian pengurusan yang akan melaksanakan tugas Kopen bagi membangun Unit KP Kreatif.

Ahli lembaga dan pengurusan perlu membuat pemantauan terhadap tindakan perancangan dengan memastikan ia dilaksanakan mengikut perancangan dan sasaran Kopen. Apabila pemantauan mendapati sistem itu berjalan dengan baik, keberkesanan perancangan akan dapat dilihat daripada tindak balas sasaran melalui projek yang diterima.

Bagaimanapun ahli Kopen nampaknya lebih berasa lega dan bersyukur kerana dari keuntungan urus niaga sesi 1999 membolehkan Kopen dengan persetujuan Jabatan Pembangunan Koperasi mengisytiharkan dividen 10 peratus berbanding tiada dividen bagi 1998.

Dalam pada itu terdengar suara ahli yang meminta Bendahari memberi gambaran keuntungan tahun 2000, tapi kecewa kerana penyata audit tahun terbabit belum disiapkan tetapi diberi petunjuk oleh Shamsudin Said, untungnya tidak sebanyak 1999.

Apapun duka dan suka bersama Kopen sejak lebih 11 tahun lalu, institusi ekonomi penulis mesti dipertahankan dengan sokongan padu, dukungan ikhlas serta tingginya semangat bekerjasama di kalangan ahli dan anggota lembaga pengarah.

Kopen sehingga ini berjaya membuktikan keupayaan golongan penulis menghasilkan karya yang membentuk pemikiran manusia dan keupayaan dalam bidang ekonomi sebagai asas mengangkat martabat penulis Melayu di Malaysia.

(END)